



FORUM BANDAR SEDUNIA KESEMBILAN

KUALA LUMPUR, MALAYSIA • 7 HINGGA 13 FEBRUARI 2018



Kerajaan Malaysia memperkenalkan Program Perumahan Rakyat (PPR) kepada rakyat dalam kategori B40 bagi memenuhi keperluan perumahan mereka"

Noh Omar,
Menteri Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

UN-HABITAT
FOR A BETTER URBAN FUTURE

WUF9

The Urban Session of
The World Urban Forum

Noh ketika berucap pada Persidangan Meja Bulat sempena WUF9, di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Platform akar umbi suarakan pendapat

➔ Idea, penyelesaian transformatif dikongsi untuk digunakan seluruh dunia

Oleh Haryani Ngah
aryani@bh.com.my

Forum Bandar Sedunia Kesembilan (WUF9) yang berlangsung baru-baru ini menyediakan platform kepada akar umbi untuk menyuarakan pendapat yang boleh didengari delegasi dari seluruh dunia.

Idea dan penyelesaian transformatif yang dibentang dikongsi dan dibincang untuk digunakan di negara masing-masing.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar menjelaskan, kerajaan memberi penekanan kepada usaha meningkatkan kemampuan pembangunan perbandaran.

"Kerajaan Malaysia memperkenalkan Program Perumahan Rakyat (PPR) kepada rakyat dalam kategori B40 bagi memenuhi keperluan perumahan mereka.

"Unit PPR ini kebiasaannya disewa pada kadar RM124 sebulan kepada keluarga yang mempunyai pendapatan isi rumah kurang daripada RM3,000 sebulan.

"Sehingga Januari 2018, 75,405 isi rumah mendapat manfaat daripada program ini. Skim Sewa Beli itu diadakan untuk membantu golongan miskin yang sukar dan tidak mendapat pinjaman daripada institusi kewangan," katanya kepada 61 menteri yang hadir pada

Persidangan Meja Bulat sempena Forum Bandar Sedunia Kesembilan (WUF9), baru-baru ini.

Bandar mesti selamat, mampan dan sejahtera.

Noh berkata, berdasarkan pemerhatian, lebih 50 peratus penduduk dunia kini tinggal di kawasan bandar dan bandar berkenaan mesti selamat, mampan dan sejahtera.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kesejahteraan Bandar dan Perumahan Tempatan, Datuk Halimah Mohamed Sadique, berkata rumah PPR dijual pada harga subsidi iaitu RM35,000 seunit untuk PPR di Semenanjung berbanding kos pembinaan kira-kira RM180,000.

Katanya, skim ini membenarkan kumpulan sasaran menyewa dapat memiliki unit sendiri selepas 25 tahun.

"Rumah adalah keperluan asas setiap individu dan menjadi komponen penting dalam perbinangan habitat manusia.

"Di bawah definisi Program Penempatan Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN-HABITAT), rumah bukan sekadar tempat berteduh untuk individu.

"Rumah sempurna perlu menyediakan perlindungan dengan elemen alam sekitar, menyediakan keselamatan, privasi dan ruang dengan kemudahan pengangkutan yang dapat menghubungkan kepada keperluan asas.



Sesi percambahan idea dan membuat keputusan secara berkumpulan dalam kalangan kanak-kanak turut diadakan sempena WUF9.



Halimah Mohamed Sadique



Idris Haron

"Bagi saya, adalah penting kepada semua kerajaan untuk memenuhi keperluan masyarakat memiliki rumah kerana dengan mempunyai rumah, mereka akan merasai tanggungjawab sebagai pemilik rumah. Rumah berkualiti dapat menyumbang kepada kehidupan dan cara hidup," katanya.

Kongsi kepakaran

WUF9 juga kali pertama menganjurkan Perhimpunan Akar Umbi bertujuan memberi plat-form kepada pemimpin tempatan dan membawa bersama pelbagai pihak berkepentingan untuk berkongsi kepakaran dan pengetahuan bagaimana membina sebuah perbandaran, perancangan dan pengurusan.

Ia menjadi ruang membincangkan komitmen, strategi, inovasi, mengenal pasti institusi berkelayakan dan menjalinkan kerjasama dalam melaksanakan Agenda Perbandaran Baharu (NUA).

Sementara itu, Pengarah Jagori India, Suneeta Dhar mewakili organisasi kerjasama yang memberi tumpuan kepada bandar selamat untuk wanita, memberi tumpuan kepada undang-undang jenayah dan pembentukan polisi berhubung jenayah seks.

Pengarah Eksekutif Program Penempatan Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN-HABITAT), Datuk Maimunah Mohd Sharif,

menekankan penyertaan gender dalam belanjawan ketika beliau menjadi Datuk Bandar Pulau Pinang.

Beliau menekankan keperluan data berhubung cabaran wanita, terutama membabitkan keselamatan ketika menggunakan pengangkutan awam.

Jvy Josiah mewakili Forum Asia Pasifik, Wanita, Undang-Undang dan Pembangunan memaparkan bagaimana kejayaan kempen pasaran wanita di Manila perlu dimasukkan dalam perancangan perubahan kemudahan pasaran di mana pihak berkuasa tempatan perlu menyediakan satu jawatan khas untuk mereka.

Katanya, ia bergantung kepada tahap pendidikan wanita berkenaan kerana ia penting bagi mengatasi masalah dihadapi.

"Kami tidak mahu hanya beberapa wanita menjawat jawatan yang mempunyai kuasa, tetapi lebih ramai wanita menyandang semua jawatan itu. Adakah Bangsa-Bangsa Bersatu mengenal pasti platform untuk wanita pada peringkat akar umbi?" katanya.

Sementara itu, Presiden Pertubuhan Belia Sedunia, Datuk Seri Idris Haron, berkata wakil kanak-kanak dan belia diminta untuk terbahit aktif dalam semua peringkat pembuat keputusan dalam pembangunan bandar dan pembabitkan mereka perlu bersifat tulen.